



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 3 MAC 2022**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFI KOMITED BANTU PENGUSAHA NANAS, KOSMO -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	CEROBOK PERAIRAN, LEBIH 1000 NELAYAN KUALA MUDA TERJEJAS, HARIAN METRO -ONLINE	
3.	PENCEROBOH SONGLAP REZEKI NELAYAN, NEGARA, KOSMO -17	
4.	HALANG PENCEROBOHAN BOT PUKAT TUNDA, NEGERI KELANTAN.KEDAH, SINAR HARIAN -28	
5.	MAFI PRIHATIN NASIB AHLI PPK, KOMUNITI KITA, UTUSAN MALAYSIA -41	
6.	ISU NELAYAN DISELESAIKAN, NASIONAL, SINAR HARIAN -7	
7.	MAQIS RAMPAS 24 TAN DAGING SEJUK BEKU, NASIONAL, BERITA HARIAN -22	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
8.	DAGING KERBAU INDIA TIDAK PAMER LOGO HALAL, NEGARA, KOSMO -16	
9.	PJKM CATAT HASIL JUALAN LEBIH RM4.5 JUTA, NEGERI PERAK.SELANGOR/KL, SINAR HARIAN -26	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
10.	KEBUN MUSNAH DITENGGELAMI AIR, PENGUSAHA JAGUNG KERUGIAN RM50,000, NEGERI KELANTAN.KEDAH, SINAR HARIAN -28	LAIN-LAIN
11.	MAEPS READY TO TAKE IN MILD CASES, NEWS/NATION, NST -4	
12.	GRAPPLING WITH CHANGING PATTERNS, NEWS, STARMETRO -3	
13.	FISHERMAN IN SOUTH JOHOR BESET BY CHALLENGES AT EVERY CORNER, NEWS, STARMETRO -3	
14.	LIMA PENTERNAK RUGI RM800,00 APABILA 40 TAN IKAN MATI, LOKAL, HARIAN METRO -11	
15.	KEBUN JAGUNG DIBADAI BANJIR, LOKAL, HARIAN METRO -10	
16.	TEKNIK KABUS SUBUR TANAMAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -32	
17.	PENGUSAHA KELULUT NAFI BONGKAR ISU BALAK, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -32	
18.	GUDANG MAKANAN NEGERI SELANGOR, AGRO.GAYA, UTUSAN MALAYSIA -23	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/3/2022	KOSMO	ONLINE	

## MAFI komited bantu pengusaha nanas



Ronald (tengah) melihat kraftangan menggunakan daun nanas di salah sebuah pameran di Kilang Pau Mira Frozen, Pagoh, Muar, hari ini. Foto NUR ALINA HASSAN

MUAR- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) komited dalam membantu pengusaha nanas di negara ini untuk meningkatkan purata pendapatan mereka sehingga RM8,000 sebulan.

Menteri MAFI, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, melalui Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), pihaknya memperuntukkan sebanyak RM137 juta bagi menjayakan tujuh skop program pembangunan meliputi bantuan kepada pekebun kecil serta usahawan industri hiliran nanas.

“Sektor industri nanas negara diunjurkan terus berkembang sebanyak lima peratus setahun dengan eksport nanas negara telah mengalami peningkatan ketara iaitu sebanyak RM641 juta pada tahun 2020 berbanding RM138 juta pada tahun 2016.

“Ia selaras dengan halatuju LPNM memperkasakan pembangunan industri nanas negara serta meningkatkan purata pendapatan pengusaha nanas daripada RM5,000 sebulan kepada RM8,000 sebulan dalam tempoh RMK-12,” katanya. Beliau berkata demikian ketika ditemui media pada Program Jelajah Dialog Industri Makanan 2022 (DIA2022) Pagoh, di sini, hari ini, yang turut dihadiri Pengurus LPNM, Datuk Dr. Sahruddin Jamal.-KOSMO! ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/3/2022	HARIAN METRO	ONLINE	

## Ceroboh perairan, lebih 1,000 nelayan Kuala Muda terjejas



ANAK ikan atau benih di perairan Kuala Muda, Kedah, mati kerana terperangkap akibat penggunaan peralatan yang tidak dibenarkan. FOTO Ihsan CAP

Georgetown: Aktiviti pencerobohan bot pukat tunda, rawa sorong dan penggunaan bубу naga di perairan Kuala Muda, Kedah, menyebabkan lebih 1,000 nelayan pantai di

kawasan itu terjejas sumber pendapatan.

Sehingga kini masih tiada tindakan berkesan diambil pihak berkuasa walaupun ia sudah lama berlaku.

Nelayan, Amin Abdul Hamid, 43, berkata, sejak nelayan bot pukat tunda, rawa sorong dan bубу naga itu menjalankan aktiviti di perairan berkenaan, didapati hidupan laut semakin pupus.

Manakala benih ikan, udang, ketam dan lain-lain turut musnah akibat penggunaan peralatan berkenaan.

"Kami juga mengalami kerugian berpuluhan ribu ringgit kerana alat tangkapan musnah akibat dilanggar oleh bot itu.

"Jika kejadian ini gagal ditangani dengan berkesan oleh pihak berkaitan, kemungkinan mata pencarian nelayan di sini juga akan terputus tidak lama lagi," katanya.

Bagi Mukhlis Mansor, 36, pula berkata, walaupun banyak aduan sudah dibuat kepada pihak berkenaan, masalah itu masih berterusan.

"Menghairankan kerana setiap kali aduan dibuat, nelayan yang menjalankan aktiviti haram itu menghentikan operasi mereka serta-merta dan kemungkinan perkara itu berlaku akibat kebocoran maklumat pengadu."

"Sebelum ini, nelayan memperoleh pendapatan lebih RM200 setiap kali turun ke laut tetapi sekarang hanya mendapat antara RM30 hingga RM40 sahaja," katanya.

Pengkalan nelayan yang terbabit ialah Teluk Nipah, Teluk Amboi, Pulau Sayak dan Tanjung Dawai.

Difahamkan, bot pukat tunda yang menceroboh zon tangkapan nelayan pantai di sini berpengkalan di Kuala Kedah, manakala nelayan bot pukat rawa sorong dan bubi naga pula dari daerah Yan.

Aktiviti haram berkenaan sering dilakukan sekitar jam 12 tengah malam sehingga 6 pagi, antara 100 meter hingga empat kilometer dari pantai manakala kawasan tumpuan operasi bot itu ialah di perairan Pulau Bidan, Tanjung Jaga dan Singkir.

Sementara itu Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) Mohideen Abdul Kader berkata, penguatkuasaan undang-undang yang lemah menyebabkan masalah itu berlarutan hingga sekarang.

Akibatnya, bukan sahaja nelayan pantai terus tertindas malah ribuan metrik tan anak ikan atau benih musnah setiap hari dan jika dibiarkan boleh menyebabkan kepupusan sumber perikanan serta menggugat sektor berkenaan.

"CAP menggesa Jabatan Perikanan Kedah dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) supaya membanteras aktiviti haram ini serta perlu menguatkuasakan Akta Perikanan 1985 dengan tegas dan berkesan.

"Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) digesa campur tangan dan menjalankan siasatan dengan segera terhadap aduan yang dikemukakan nelayan pantai.

"Pihak berkaitan juga perlu menyalurkan bantuan atau pampasan setimpal kepada mereka yang terbabit dengan kerosakan alat tangkapan akibat dilanggar bot pukat tunda ketika menceroboh Zon A di perairan itu," katanya menerusi kenyataan di sini.

Bot pukat tunda, rawa sorong musnahkan benih hidupan laut

## Penceroboh songlap rezeki nelayan

Oleh NUR SYAZWANA MANSOR

**SUNGAI PETANI** — Kira-kira 1,000 nelayan mendesak pihak berkuasa supaya mengambil tindakan tegas dan menangkap mereka yang melakukan pencerobohan bot pukat tunda dan rawa sorong di perairan Kuala Muda dan Yan di sini.

Pencerobahan itu bukan sahaja menjelaskan sumber pendapatan nelayan di pangkalan Teluk Nipah, Amboi, Pulau Sayak dan Taiping Dawai dekat sini, malah menyebabkan benih ikan, udang, ketam dan lain-lain musnah.

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kader berkata, pencerobohan semakin serius hingga menyebabkan nelayan hanya memperoleh RM40 sehari berbanding RM200 sebelum ini.

Katanya, nelayan rugi hampir puluhan ribu ringgit kerana peralatan menangkap ikan musnah dilanggar bot-bot tersebut.

"Penceroboh bot pukat tunda disyaki berpangkalan di Kuala



PEI BAGAU jenis anak man dan batu dan batu yang terperangkap dalam bot tunda dan rawa sorong penceroboh perairan Kuala Muda dan Yan.



MUKHLIS

pihat berkuasa tetapi tiada sebarang tindakan yang berkesan diambil.

Sehubungan itu beliau menggesa Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Jabatan Perikanan Kedah dan Maritim Malaysia supaya campur tangan dan menjalankan siasatan berkaitan isu tersebut.

Sementara itu, seorang nelayan, Amin Abdul Hamid, 43, berkata, nelayan di sini mungkin akan terputus sumber mata pencarian tidak lama lagi sekiranya pihak berkuasa tidak mengambil tindakan.

Seorang lagi nelayan, Mukhlis Mansor, 36, pula memberitahu, dia bercawa kerana pihak berkuasa gagal mengambil tindakan bagi membanteras aktiviti haram tersebut.

"Saya hairan setiap kali aduan dibuat, nelayan yang menjalankan aktiviti haram ini akan menghentikan operasi mereka setia-merta mungkin disebabkan berlaku kebocoran makumah,"

CONTOH buku naga yang sering digunakan secara haram bagi menangkap ikan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/3/2022	SINAR HARIAN	NEGERI KELANTAN	28

# Halang pencerobohan bot pukat tunda

Lebih 1,000 nelayan di Kuala Muda gesa pihak berkuasa ambil tindakan tegas

**L**ebih 1,000 nelayan di daerah Kuala Muda disini memohon pihak berkuasa meningkatkan pengawalsuaan bagi pencerobohan yang menjelaskan pendapatan mereka.

Nelayan, Amin Abdul Hamid, 43, berkata, perlu diingatnya, perlu dikenakan tindakan tegas ke atas pihak yang menggunakan pukat tunda, rawa sorong dan bubu naga secara haram. sehingga menjelaskan nelayan dari pangkalan Teluk Nipah, Teluk Amboi, Pulau Sayak dan Tanjung Dawai.

Menurutnya, pencerobohan dikesan bermula sekitar jam 12 tengah malam hingga 6 pagi meskipun kawasan antara 100 meter hingga empat kilometer dari perairan pantai termasuk di sekitar Pulau Bidan, Tanjung Jaga dan Singkir

Oleh SITIZUBAIDAH ZAKARAYA  
SUNGAI PETANI

MUKHLIS

AMIN



Pelbagai jenis ikan mati akibat temporang cepat tindakan bot pukat tunda.



RM200 setelah tangkapan hasil laut berkurbanan," jelasnya. Menurut Amin, terdapat nelayan yang menganggung kerugian berpuluhan ribu ringgit akibat alat tangkapan rosak dilanggar penceroboh.

"Kegiatan pencerobohan boleh menyebabkan kepupusan hidupan laut seperti benih ikan, ketam dan lain-lain akibat penggunaan peralatan terlarang. "Ada nelayan yang hanya dapat RM40 setiap kali turun ke laut berbanding dulu sekitar Seorang lagi nelayan,

Mukhlis Mansor, 36, mendakwa, masalah itu sudah dilaporkan beberapa kali, namun ia masih berlaku.

Katanya, tindakan membanteras selain hukuman yang setimpal perlu dikenakan ke atas pelaku bagi mengakang perbuatan terabit.

Masalah itu turut mendapat perhatian Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) yang menggesa kerajaan berikan cam-pur tangan bagi menyiasat perkara berkenaan.

Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader berkata, pencerobohan boleh menyebabkan kepupusan sumber, mengugat sektor perikanan dan memberi kesan terhadap ekonomi negara pada masa akan datang.

Menurutnya, aktiviti itu juga menyebabkan ribuan metrik tan benih ikan musnah setiap hari.

"Masalah yang disuarakan oleh nelayan di Kuala Muda bukanlah isu baharu malah keadaan ini masih berlutan hingga kini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/3/2022	UTUSAN MALAYSIA	KOMUNITI KITA	41

## MAFI Prihatin nasib ahli PPK

**SERAMAI 300 ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Pasir Puteh, Kelantan menerima sumbangan baki makanan di bawah program MAFI Prihatin di pekarangan Pejabat Ahli Parliment Pasir Puteh, baru-baru ini.**

**MAFI Prihatin merupakan** program kebajikan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi membantu kumpulan sasaran iaitu rakyat kategori B40 yang terkesan sepanjang pandemik Covid-19.

**MAFI prihatin menyampaikan** program kebajikan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi membantu kumpulan sasaran iaitu rakyat kategori B40 yang terkesan sepanjang pandemik Covid-19.

**MAJLIS penyerahan sumbangan tersebut disempurnakan** Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makarai II, Datuk Dr. Nik

Mohamad Zawawi Salleh yang juga Ahli Parlimen Pasir Puteh. Menurut Nik Muhammad Zawawi, di bawah program MAFI Prihatin, seramai 2,077 ahli PPK di seluruh Kelantan layak menerima bantuan itu dengan nilai keseluruhan dianggarkan sebanyak RM104,710.

■ **NIK Muhammad Zawawi** Salleh (tengah) bersama barisan kepimpinan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) ketika menghadiri Majlis Penyampaian Bantuan MAFI Prihatin di Pasir Puteh, Kelantan, bart-baru ini. - UTUSAN/TOREK SULONG



# Isu nelayan diselesaikan

LKIM, MAFI anjur sesi Dialog Industri Agromakanan 2022 di Endau

Oleh MUHAMMAD AMNAN HIBRAHIM

**L**embaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengajurkan Jelajah Dialog Industri Agromakanan 2022 di Kompleks Perikanan LKIM Endau, di sini pada Selasa.

Menyatakan berikutan berkata, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, jelajah dialog itu merupakan lanjutan daripada sesi yang dilaksanakan bagi proses libat urus bersama pemain industri di semua sektor dan subsektor di bawah kementerian tersebut.

Beliau berkata, beberapa isu berkaitan nelayan di negeri Johor juga berjaya diselesaikan dalam program tersebut termasuk masalah perlesenan.

"Semarang 126 nelayan kelas A diberikan lesen hari ini selepas satu proses pemutihan yang dilakukan untuk kawasan Endau dan negeri Johor keseluruhannya.

"Ini merupakan pendekatan baharu yang dibuat oleh MAFI iaitu membuat proses pemutihan untuk mendaftarkan dan memberikan lesen baharu kepada nelayan tulen yang juga nelayan sepanjang masa," katanya ketika ditemui pemberita selepas



Penerima bantuan bergambar bersama selepas menerima bantuan pada program Jelajah Dialog Industri Agromakanan 2022.

menjadi panel dalam program tersebut pada Selasa.

Turut diadakan pada program dialog berkenaan acara Karnival Jualan My Best Buy oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA); Lelongan Ayam PPN oleh Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Endau; Pasar Bergerak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Jualan Ikan Segar oleh Persatuan Nelayan Kawasan Endau serta Sedili.

Dalam pada itu, Ronald berkata, secara keseluruhan seramai lebih kurang 3,000 nelayan baharu telah dipilih dan ditawarkan lesen tulen di seluruh negara menerusi proses pemutihan sejak itu.

Menjawab soalan mengenai tuntutan kenaikan akaun sara hidup daripada RM300 kepada RM500 untuk setiap nelayan,

Ronald Kiandee bagaimanapun berkata cadangan itu akan dikaji oleh kerajaan untuk menentukannya.

Sementara itu, Ketua Pengarah LKIM, Yusoff Othman yang juga panel dalam dialog itu berkata, pengjuran acara tersebut amat penting untuk diadakan kerana ia dapat memudahkan usaha kerajaan menyelesaikan isu dihadapi nelayan.

"Ia memudahkan LKIM

untuk menyelesaikan masalah melalui persatuan nelayan di kawasan masing-masing.

"Mana-mana masalah kita akan salurkan kepada persatuan nelayan. Ini bermakna penyelesaian kepada kumpulan sasar juga mudah dilaksanakan," ujarnya.

Terdahulu, program tersebut turut menyaksikan pemberian baubuan 'touch point' peralatan tangkapan ikan kepada 70 nelayan di kawasan Endau, Mersing dan Tanjung Piai serta Bantuan Yayasan Nelayan Malaysia (YANEM) 'Back to School' kepada 50 anak-anak ahli persatuan nelayan.

Turut disampaikan jalah lesen sampan khas kepada 126 penerima yang terdiri daripada nelayan laut kawasan Mersing dan Endau serta bantuan peralatan menangkap ikan kepada 31 penerima nelayan darat dengan peruntukan sebanyak RM12,400 daripada Jabatan Perikanan Malaysia (JPM).

Pada masa sama, Geran Agropreneur Muda turut diberikan kepada empat agropreneur Negeri Johor dan 350 penerima Bantuan MAFI Prihatin serta satu penerima dibawah Program PENJANA Jabatan Perkhidmatan Veterinar berjumlah RM20,000.




Ronald (tengah) bersama Yusoff ketika program Jelajah Dialog Industri Agromakanan 2022 di Kompleks Perikanan LKIM Endau, pada Selasa.

## INFO BANTUAN NELAYAN:

- Enjin sampan pukat (RM400,00) - 40 penerima dari Tanjung Piai
- Pukat - 20 penerima di Endau
- Tong ikan - 10 penerima
- Bantuan YANEM 'Back To School' - 50 penerima (bantuan tunai RM100 untuk membeli barang keperluan sekolah)
- Lesen sampang khas - 126 nelayan dari Kawasan Mersing & Endau
- 31 nelayan orang asli menerima bantuan RM12,400:
  - Lesen peralatan menangkap ikan terdiri
  - Jala ikan nylon
  - Jaring
  - Tali jalur
  - Tali jaring



Antara peserta nelayan yang hadir untuk menerima bantuan pada program berkenaan.



Ronald (empat dari kiri) menyampaikan bantuan peralatan kepada nelayan pada program Jelajah Dialog Industri Agromakanan 2022.

## REAKSI



"Kalu nak beli sendiri peralatan seperti mesin sangkut, memang tidak mampu sebab tak boleh dibuat secara ansuran. Jadi bila dapat ini, kami boleh manfaatnya untuk mencari rezeki menampung keluarga." - Ahli Lembaga Pengarah PNK Kawasan Johor Selatan, Samsuddin Omar



"Bukan semua nelayan boleh teruskan ke laut dengan peralatan yang ada, kemampuan kita terbatas. Bantuan ini memberi peluang nelayan tambah baik peralatan mereka dan tingkatkan keupayaan sebagai nelayan." - Ahli Lembaga Pengarah PNK Endau, Abdul Malek Jusoh



"Dengan bantuan ini saya dapat meningkatkan kapasiti pengeluaran produk makaran yang dihasilkan. Ini sekali gus membolehkan kami meluaskan pasaran perniagaan ke seluruh negara." - Pengusaha Satar dari Kota Tinggi, Normala Tegiran



"Bantuan ini bertepatan dengan keperluan nelayan di sini yang kebanyakannya nelayan di pesisir pantai. Ini membantu untuk kami memastikan peralatan digunakan sentiasa diselenggara dengan baik." - Nelayan dari Endau, Mohd Saiful Hashim

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/3/2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	22

# MAQIS rampas 24 tan daging sejuk beku



**Siasatan dapatkan produk dibawa masuk syarikat tempatan untuk pasaran domestik**

Oleh Ruwaldha Md Zain  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

Pelabuhan Klang: Sejumlah 24 tan daging kerbau sejuk beku dari India dirampas Jabatan Per-

Khidmatan Kuaranin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) di Pelabuhan Klang Barat, Sabtu lalu. Kerbau sejuk beku dianggar 1,120 karton dengan nilai RM323,000 ditahan untuk tindakan lanjut.

“Siasatan mendapati, dagang kerbau sejuk beku itu beraudi pelabuhan sejak 25 Januari lalu itu dibawa masuk oleh sebuah syarikat tempatan untuk pasaran tempatan,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Kenyataan itu menyebut, kegagalan mematuhi syarat ditapkan pada Permit Import MAQIS menjadi kesalahan mengikut Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan negara,” katanya.

Daging kerbau sejuk beku dari India dirampas MAQIS di Pelabuhan Klang

(Foto Insan MAQIS Selangor)

tan Kuaranin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 yang boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 15(2), Akta sama.

Jika disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

“MAQIS mengambil serius isu membabitkan keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak yang boleh mengancam industri pertanian negara,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/3/2022	KOSMO	NEGARA	16

## Daging kerbau India tidak pamer logo halal

**KLANG** – Cubaan membawa masuk 24 tan daging kerbau sejuk beku dari India yang tidak mempamerkan logo halal gagal selepas dikesan pihak berkuala dalam kejadian di Pelabuhan Barat di sini baru-baru ini.

Rampasan daging bernilai RM323,000 itu dilakukan kira-kira 3.25 petang pada Sabtu lalu hasil pemeriksaan rutin dijalankan pegawai penguat kuasa Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis).

Menurut Maqis Selangor, berdasarkan siasatan awal mendapati, kesemua daging itu yang berada dalam sebuah kontena tersebut telah berada di pelabuhan berkenaan sejak 25 Januari lalu.

Katanya, daging-daging berkenaan diimport oleh sebuah syarikat pengimport dan pengedaran produk makanan

yang beroperasi di negeri ini.

Difahamkan syarikat tersebut telah beroperasi sejak 26 tahun lalu.

"Hasil pemeriksaan mendapati pengimport itu gagal mempamerkan logo halal di dalam kotak dagangan yang dikehendaki seperti yang dinyatakan di dalam syarat permit import yang diluluskan."

"Kesemua daging kerbau sejuk beku yang dianggarkan sebanyak 1,120 karton dengan nilai RM323,000 untuk pasaran tempatan itu ditahan untuk tindakan lanjut," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Jelas Maqis Selangor, kes disiasat mengikut Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 yang memperuntukkan penjara sehingga enam tahun atau denda tidak melebihi RM100,000 atau kedua-duanya sekali.



**SEBAHAGIAN** daging kerbau yang dirampas di Pelabuhan Barat, Klang baru-baru ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/3/2022	SINAR HARIAN PERAK.	NEGERI. 26	SELANGOR/KL.

# PJKM catat hasil jualan lebih RM4.5 juta

Program jualan itu memanfaatkan 234,109 pengguna di Selangor

Oleh ENGIU SHARIFUL AZNI

**P**rogram Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) yang dikendalikan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor mencatat basih jualan sebanyak RM4,587,968.95 sejak Disember hingga Ahad lalu. Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhammad Zikri Azam Abdullah berkata, pelaksanaan PJKM di Selangor yang diadakan sebanyak 94 kali ini memberikan manfaat kepada seramai 234,169 pengguna dalam tempoh sama.

Menurumnya, program prihatin pengguna diajurkan sebagai inisiatif untuk bantu meringankan kos sara hidup rakyat Selangor yang disasarkan daripada kumpulan isi rumah berpendapatan rendah.

"Program ini digerakkan secara kerjasama di antara KPDNHEP Selangor bersama agensi kerajaan seperti Lembaga Pemasaran Perianian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Pertubuhan Pelabuh Kebangsaan (Nafas).

"Peniaga industri peruncit utama di sekitar Selangor turut menyertai program ini sebagai tanda sokongan menjayakan inisiatif PJKM bagi meningkatkan pergerakan harga barang yang mencabar kepada pengguna di Selangor khususnya," katanya menerusi satu kenyataan pada Rabu.

Dalam padah itu, Muhammad Zikri Azam berkata, program

PJKM juga akan dilanjutkan setiap minggu Mac ini pada setiap hari Sabtu dan Ahad di lokasi-lokasi strategik dan mudah diakses oleh kumpulan.

...

Katanya, orang ramai boleh merujuk senarai lokasi PJKM pada setiap hari Jumat dientiti bantaran di Facebook KPDNHEP Selangor.



Mohamed Zikri Azam (tua dari kiri) bermeda dengan pembal yang berkuilung ke sah sebab gerai saper ketika program Juzan Keluarga Melayu, Nusantara Putra Pantai, Sepang pada Disember lalu.

Azan (tua dari kiri) bermeda dengan pembal yang berkuilung ke sah sebab gerai saper ketika program Juzan Keluarga Melayu, Nusantara Putra Pantai, Sepang pada Disember lalu.

cik kering, gula, minyak masak, tepung gandum, beras, makanan dalam tin dan barangan proses.

"PJKM Selangor diharap dapat menjadi permudah kepada masyarakat pengguna untuk membuat pilihan yang bijak bagi mengurangkan bebanan perbelanjaan isi rumah," katanya.

"PJKM menawarkan pilihan kepada pengguna untuk mendapatkan pelbagai barang keperluan harian dengan harga sehingga 20 peratus lebih rendah daripada harga pasaran setempat. "Antara barang yang dijual semasa program ini adalah ayam, telur ayam, ikan, sayur-sayuran, barangan kering seperti bawang,

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/3/2022	SINAR HARIAN	NEGERI KELANTAN. KEDAH	28

## Kebun musnah ditenggelami air, pengusaha jagung kerugian RM50,000

**KUALA KRAI** - Seorang pengusaha jagung di Kampung Temalir Lama di sini hampir pengsan apabila melihat kawasan kebun yang diusahakannya digenangi air banjir sedalam lebih dua meter pada Jumaat lalu.

Idris Hassan, 65, berkata, hujan berterusan di daerah tersebut sejak Khamis lalu menenggelamkan tanamannya seluas 1.2 hektar akibat limpahan air Sungai Pahi.

Menurutnya, sebanyak 5,000 batang jagung yang bernilai RM50,000 musnah.

"Tanaman ini saya usahakan bersama adik-beradik. Dua kali hujan turun dan tenggelamkan jagung kami. Sepatutnya semua jagung itu boleh dituai hasilnya bulan depan, tapi apakan daya, bukan rezeki kami," katanya kepada pemberita di sini pada Rabu.

Menurutnya, mereka mengusahakan tanaman jagung berkenaan dengan modal sendiri yang biasanya berdasarkan sistem modal pusingan untung.

Namun, katanya, disebabkan banjir kali ini, modal dan



Idris (kanan) dan seorang penduduk Kampung melihat keadaan jagung yang musnah di atas tanah seluas 1.2 hektar di Kampung Temalir Lama, Kuala Krai pada Rabu.

untung hilang, sekali gus memaksa mereka bertatih kembali untuk mencari modal lain.


"Saya memerlukan modal untuk memulakan semula tanaman ini. Memang saya amat memerlukan bantuan kerajaan.

"Sepatutnya saya boleh mendapat keuntungan bersih sebanyak RM10,000 selepas menuai, namun saya reda dan bersabar dengan ujian ALLAH. Semoga kami semua akan memperoleh rezeki yang

lebih baik selepas ini," ujarnya.

Idris berkata, dia telah mengusahakan kebun jagung itu sejak 20 tahun lalu dan kebiasaannya akan menanam anak benih jagung antara bulan Mac dan April manakala hasilnya dapat dituai selepas dua bulan setengah.

Katanya, kali ini ia ditanam lebih awal namun apa yang berlaku tersebut adalah di luar kemampuan dan jangkaan manusia.



*Dr Ferwahn Fairis, the director of the low-risk quarantine centre at the Malaysia Agro Exposition Park Serdang, showing the facility to journalists yesterday. (Inset) Unified Command Centre assistant commander Dr Ridzuan Mohd Isa. BERNAMA PIC*

## MAEPS ready to take in mild cases

**SERDANG:** The low-risk quarantine centre at the Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) here will take in Categories 1, 2a and 2b Covid-19 cases, which do not require hospital facilities and equipment.

The centre's director, Dr Ferwahn Fairis, said the facility had received 90 patients who were referred by hospitals and Covid-19 assessment centres.

"There are 850 beds here, and a medical team is on standby to receive cases from the three categories."

"The cases we received so far are those who are stable and do

not need intensive or procedural treatments," he said after a media tour of the facility in MAEPS Hall A yesterday.

He said the centre was reopened since most hospitals had been converted to hybrid hospitals, as well as to reduce the workload on hospital staff.

"We will focus on patients from the Klang Valley for the time being."

He said patients from outside the Klang Valley would be treated if the need arose.

Present during the media tour was the Unified Command Centre assistant commander Dr

Ridzuan Mohd Isa, who is also Ampang Hospital's Emergency Department head.

He said the MAEPS facility would see a marked reduction in the number of patients compared with last year, as the majority of the people had already been vaccinated.

The quarantine centre in MAEPS was closed on Feb 8 after 14 months of operations, but was reactivated to handle the surge in cases brought by the Omicron variant of Covid-19.

"There are about 291 medical staff assigned here, up to Feb 25," said Dr Ridzuan.

JOHOR



**Coastal fisherman Junaidi Ali and his son Azlee going through the day's catch at Kampung Pendat Laut in Gelang Patah.** — THOMAS YONG/The Star

## &gt; FROM PAGE 1

Haron said there were days when the seawater was at the right temperature, not too warm or too cold, for fish to come closer to the shore.

He said squid season used to be from February to April but it had since changed to May to July.

As for catching prawns, he said September used to be a fruitful time but then season had shifted to January for the past two years.

The 63-year-old, who has been a fisherman for 38 years, said coastal development projects in the Gelang Patah area had contributed to the dwindling marine life.

"Years ago, there was an oil spill from a ship in waters off Gelang Patah and fishermen could not go out to sea for three months," said Haron.

Former fisherman Ismail Md Said, 72, said 30 minutes to an hour before the sun rises was the best time for fishermen as fishes were active during that period.

"They feed in a frenzy and most

By ZAZALI MUSA  
metro@thestar.com.my

COASTAL fishermen are facing constant challenges due to climate change and vast development projects coming up in the southernmost parts of Johor.

ISEAS-Yusof Ishak Institute Singapore visiting fellow Dr Serina Rahman said climate change had resulted in more extreme weather phenomena like fierce storms and heatwaves.

This has a direct effect on fishermen's ability to head out to sea," she said in an interview at Kampung Pendat Laut in Gelang Patah.

She said severe storms put the fishermen at greater risk when at sea and often, they had to turn back. Sometimes, they cannot head out at all.

Those using small boats cannot risk their life heading out to sea when weather conditions are not on their side.

Serina said this problem had compromised their livelihoods because of fewer days spent at sea. The storms are also harder to predict these days.

"Our research on weather conditions (with input from coastal fishermen) reveals that the wind can change direction many times a day," she added.

In the past, winds were constant (if westerlies, then steady winds blow from the west for a few days). Now, however, the wind direction can change in a day.

"Fishermen can head out in fine weather but get hit by an unexpected

## Grappling with changing patterns



Ismail: Fishermen are now depending on luck when at sea.



Faidarus: We now have to go out further 20km to land more fish.



Haron: The squid and prawn seasons have changed.

of them end up in our nets," said Ismail who became a fisherman when he was 13 years old.

He said the feeding frenzy peaked during full moon or a new

moon and normally fishermen would land a good catch during this time.

Ismail, who called it a day in 1984 but still regularly meets with

fellow fishermen at Kampung Pendat Laut, has noticed that their catch is getting less.

"Now they depend on luck," he said.

## Fishermen in south Johor beset by challenges at every corner



Serina says extreme weather has affected fishermen's ability to go to sea.

ed storm while they are away from shore," said Serina.

Accidents caused by large waves are happening more frequently and monsoon surges do not follow long-held patterns.

"Nothing is predictable anymore.

"More frequent rain also affects water quality. The rain increases nutrients from run-off, causing the growth of unwanted algae in the water," Serina explained.

"The algae affects the fisherman's catch and damages nets."

"Fishermen normally repair damaged nets every month; now they



Azli says land reclamation along the shoreline has shrunk their fishing zones.

have to perform this task every two to three weeks," she added.

The ever-changing seawater temperature also had a direct impact on marine life, said Serina.

"Marine creatures do not like these different temperatures," she said, citing as example that in very cold weather, crabs seem to disappear.

She said the movements of marine species had changed too.

Fishermen now find it harder to read the seasons and weather.

Southern Johor Fishermen Association chairman Azli Mohd

Azli said there were good days and bad days for them.

"Sometimes, our catch is bountiful and sometimes, it is not worth going out to sea," he said.

He added that the weather, tides and water temperature seemed to change every other day.

Another major factor impacting the income of fishermen in recent years is development taking place in south Johor.

Azli lamented that large-scale land reclamation projects along the shoreline had shrunk their fishing zones.

"Our income has declined by more than half in the past five or six years due to land reclamation for multi-billion-ringgit waterfront property projects."

He said the fishermen's operating cost was also going up year by year as they needed to replace damaged nets and maintain their boats including the engine.

"Buying a boat is costly. Previously, a 20ft fibre boat would cost about RM12,000 but now, the price has shot up to RM20,000," said Azli.

There are about 2,500 coastal fishermen in south Johor and their fishing areas within 10 nautical miles cover Tanjung Piai, Iskandar Puteri, Pulai, Johor Baru, Pasir Gudang and Tebrau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/3/2022	HARIAN METRO	LOKAL	11

## Lima penternak rugi RM800,000 apabila 40 tan ikan mati

**Hulu Terengganu:** Lima penternak di Kampung Kumbang Palas, Kuala Telemong dekat sini kerugian lebih RM800,000 apabila 40 tan ikan air tawar yang diternak mati susulan banjir Ahad lalu.

Ikan tilapia, patin dan baung yang diusahakan Mohd Dzul Faizal Mazlan, 38, Zainal Abidin Endut, 41, Mohamed Ridzwan Endut, 27, Mohd Faizal Endut, 32 dan Sabri Endut, 39, mati dipercaya akibat air terialu deras dan berlumpur.

Mohd Dzul Faizal berkata, dia hanya mampu lihat sebanyak 54 sangkar ikan dilanggar air deras ketika kejadian itu.

“Ada sangkar ikan penternak lain dari Kuala Berang yang dihanyutkan arus deras dan merempuh sang-

kar ikan kami menyebabkan sangkar ikan itu mengalami kerosakan teruk.

“Lubih batil melihat semua ikan mati kerana fenomena banjir kali ini. Kami kehilangan pendapatan kerana semua ikan di-ternak mati dan tidak boleh dijual,” katanya ketika dijumpai di sangkar ikannya, hari ini.

Zainal berkata, sepatutnya sebanyak 10 tan ikan boleh dijual daripada sangkar ikannya itu pada Ramadhan tahun ini.

“Boleh dikatakan penawaran ikan air tawar di negeri ini akan terjejas teruk pada tahun ini kerana ramai penternak ikan yang terjejas.”

“Sekarang ikan sudah mati, kami terima dengan hati yang terbuka, cuma masalah sekali yang merangkumi ikan yang mati,”

nguruskhan bangkai ikan yang mati pun besar kerana ia perlu ditamat,” katanya.

Katanya, kos untuk membaik pulih sangkar yang rosak itu juga besar dan berharap bantuan pihak bertanggungjawab.

“Paling kurang kami perlu RM200,000 untuk membaik pulih 54 petak sangkar ikan yang rosak.

“Kos memasukkan benih ikan baharu juga besar iaitu sebanyak RM20,000,” katanya.

Sabri berkata, dia berharap keprihatinan semua pihak untuk membantu penternak yang terjejas kerana fenomena banjir itu.

“Kami memang memerlukan bantuan daripada semua pihak untuk kembali menternak seperti biasa,” katanya.



MOHD DZUL FAIZAL (kiri) bersama Zafirah (dua dari kanan), Mohd Faizal (dua dari kiri) dan Sabri memunjukkan ikan yang mati.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/3/2022	HARIAN METRO	LOKAL	10



IDRIS menunjukkan pokok Jagungnya yang mati selepas ditenggelami air banjir di Kampung Temalir Lama. - Gambar NSTP/HAZIRA AHMAD ZAIKI

Oleh Hazira  
Ahmad Zaidi  
am@hmetro.com.my

Kuala Krai

**S**aya terduduk se- lepas melihat ka- wasan kebun ja- gung yang sebelum ini menghijau bertukar menjadi tasik selepas ditengge- lami air banjir pada Jumaat lalu," kata warga emas Idris Hassan, 65.

Idris berkata, hujan lebat berterusan pada minggu la- lu menyebabkan paras air Sungai Pahit dekat sini me- ningkat secara mendadak sehingga menyebabkan keseluruhan tanaman jagung yang ditanamnya di pinggir sungai musnah.

Katanya, pagi Jumaat lalu, tanaman jagung yang ditanam di atas tanah seluas 1.2 hektar yang diusahakan bersama adik-beradiknya ditenggelami air banjir sepa- ras dua meter.

"Bagaimanapun, pada petang itu air sudah surut, namun pada malam, hujan kembali lebat dan sekali lagi tanaman jagung ditengge- lami dan paras air pada kali ini lebih tinggi iaitu sepa- ras

# Kebun jagung dibadai banjir

*Warga emas rugi RM50,000 selepas 5,000 pokok musnah ditenggelami bah*



Saya memerlukan modal untuk memulakan semula tanaman dan kebiasaanaya sebahagian hasil diperoleh daripada jualan jagung akan dibuat modal"

Idris Hassan

tiga meter.

"Semua 5,000 pokok ja- gung yang ditenggelami banjir sepatutnya sudah boleh dituai pada bulan hadapan, namun saya hanya berputih mata apabila ia musnah dalam sekilip mata me-

ngakibatkan kerugian sehingga RM50,000," katanya ketika ditemui di kebun ja- gung miliknya di Kampung Temalir Lama di sini, kel- marin.

Idris berkata, banyak ke- rugian yang dialaminya dan berharap kerajaan dapat menghulurkan bantuan bagi meringankan beban sa- lain membolehkannya me- nanam semula tanaman selepas musim tengkujuh.

"Saya memerlukan modal untuk memulakan semula tanaman dan kebiasaanaya sebahagian hasil diperoleh daripada jualan jagung akan dibuat modal, tetapi akibat kejadian ini, saya amat me- merlukan bantuan."

"Sepatutnya saya mampu meraih hasil jualan jagung sebanyak RM10,000 sebaik

ia dituai pada bulan hada- pan selepas dijual kepada pemberong dan penduduk di sekitar Kuala Krai, namun ia tidak menjadi kenyataan apabila semua pokok ditanam musnah, ditenggelami banjir," katanya.

Bapa kepada lapan anak berusia antara 15 hingga 40 tahun itu berkata, dia mengusahakan kebun jagung itu sejak 20 tahun lalu dan sepanjang tempoh itu, ini adalah kali pertama kebun- nya ditenggelami air pada musim tengkujuh.

"Kebiasaanaya saya akan mula menanam anak benih jagung di antara Mac atau April dan hasilnya dapat di- tuai selepas mencapai tem- po matang iaitu selama dua bulan setengah," kata- nya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/3/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Mampu serap haba ketika cuaca panas, kering

## Teknik kabus subur tanamam

Oleh COWEN LINCH  
utusannews@mediamulia.com.my

**SARIKEI:** Bebas serangan, sejuk dan menyuburkan tanaman. Itu antara keistimewaan teknik semburan kabus.

Kaedah baharu untuk tanaman hidroponik itu sebenarnya memiliki banyak kelebihan namun belum dilaksanakan secara meluas oleh pekebun sayur-sayuran di negara ini.

Kelebihan itu mencetus inspirasi kepada Awang Muhammad Izzat Al Hadi Awang Sallah, lepasan bidang bioteknologi Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) untuk mencipta teknik tersebut di halaman rumahnya di Jalan Alamanda Kampung Seberang, Sarikei di sini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, beliau memberitahu, sistem baharu itu merupakan teknologi untuk merendahkan suhu di dalam rumah hijau.

"Apabila air melalui satu aliran sistem air, ia akan terpecah dan menjadi molekul-molekul kecil dan menghasilkan kabus ke bagian rumah hijau yang menyerap haba."

"Menerusi teknik kabus itu juga, ia akan menyerap haba dan sekali gus menurunkan suhu di sekitar dan pada tan-



**AWANG** Muhammad Izzat Al Hadi Awang Sallah memeriksa tanamannya yang menggunakan teknik semburan kabus di halaman rumahnya di Jalan Alamanda Kampung Seberang, Sarikei.

man sekiranya kering kerana faktor cuaca panas," katanya.

Tambah Muhammad Izzat, teknologi kabus digandingkan dengan sistem 'Deep Flow Technique' (DFT) bukan sahaja berupaya mencegah tanaman daripada lalu dan rosak, malah mampu meningkatkan hasil pengeluaran dan mengurangkan kebergantungan kepada sayuran import.

"Ia amat bersesuaian dengan kawasan yang suhunya tinggi dan boleh mencecah 35 darjah Celsius. Dengan adanya teknologi seperti ini, kita boleh mengawal suhu rumah hijau kepada 28 ke 27 darjah Celsius, terutamanya pada waktu siang dan petang ketika panas terik," katanya.

Tidak memerlukan kos yang tinggi, penggunaan teknologi

itu boleh dimanfaatkan oleh sesiapa sahaja, selagi ada minat dan kesungguhan untuk menerokai sesuatu yang baharu.

Minat mendalam anak muda ini terhadap tanaman hidroponik bermula selepas berkunjung ke Pameran Pertanian Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) di Serdang, Selangor, lima tahun lalu.

## Pengusaha kelulut nafi bongkar isu balak

**MARAN:** Seorang pengusaha ladang kelulut di Taman Sri Keramat di sini menafikan terlibat membawa beberapa individu bagi membongkar aktiviti pembalakan yang didakwa berlaku di Bukit Makro.

Selepas isu pembalakan di Bukit Makro terbongkar, pengusaha agropelancongan Taman Mini Kelulut Lestari, Ramli Md. Arof, 63, dilempar pelbagai fitnah sehingga menjelaskan kedatangan pengunjung dan penjualan produk Bitali Kelulut Farm diusahakannya itu.

"Demi Allah, saya tidak tahu kedatangan mereka untuk membongkar pembalakan itu. Saya hanya melayan kedatangan mereka yang saya anggap seperti pengunjung lain," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Disebabkan itu, timbul isu mendakwa perusahaannya dibina di atas tanah haram sehingga



**RAMI** Md. Arof menjadikan tapak mata air sebagai tempat mentemak 15 sarang kelulut tanpa menjelaskan alam sekitar di kawasan berkenaan. - UTUSAN/NORHAFIZAN ZULKIFLI

menyebabkan satu notis ditampal di ladangnya sebagai amaran penerokaan hutan secara haram

yang ditujukan kepada umum.

"Saya mengusahakan Taman Mini Kelulut Lestari ini sejak


2019 dan mendapat peruntukan kerajaan dalam usaha menjadi kawasan mini ini sebagai daya tarikan," katanya.

Jelasnya, dia mengakui lokasi taman mini kelulut berkenaan terletak di atas tanah digazetkan sebagai tapak perumahan namun telah membuat permohonan untuk Lesen Pendudukan Sementara (TOL).

Selain itu, Ramli turut difitnah individu tertentu yang mendakwa dia meletakkan pagar bagi mengaut keuntungan dengan mengekalkan tiket bayaran.

"Selama dibuka, ia tidak pernah dipagar, malah saya tidak pernah membuka kaunter bayaran melainkan mereka yang hendak mandi di kolam mata air yang saya sediakan bagi tujuan penyelenggaran. Itu pun cuma RM2 sepanjang hari namun kebanyakannya tiada bayaran dikenakan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/3/2022	UTUSAN MALAYSIA	AGRO.GAYA	23



PENGUNJUNG teruja apabila dibawa menaiki kenderaan yang ditarik menggunakan traktor.

AGRO • Gaya |

## Gudang makanan negeri Selangor

Oleh ABDUL RAZAK IDRIS  
gayatutusan@mediamedia.com.my

**S**ELANGOR Fruits Valley (SFV) terletak di KM 7 Jalan Rawang-Bestari Jaya bukan sekadar tempat peranginan di lujuung minggu mahu pun cuti uruuuun.

Tanah berbukit seluas 1,000 itu juga boleh dianggap lembah subur gudang makanan untuk negeri Selangor.

Pelbagai jenis tanaman buah-buahan tropika seperti kelapa pandan, jambu, nangchem (nangka dikawin dengan cempedak), mangga dan cempedak ada di sini.

Malah buah angur pelbagai varian boleh tumbuh subur dengan kaedah penanaman berbungumung.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS), Dr. Mohamad Khairil Mohamad Razi, SFV diwujudkan pada 2003, bukan sahaja bertujuan menjadi tapak pertanian untuk makanan, sebaliknya sebagai agrotourism atau pelancongan pertanian.

Katanya, SFV mampu menjadi pembelai makanan dalam bentuk sayur-sayuran, buah-buahan jika berlaku masalah rantaian pemasaran yang meruncing.

"Dalam kawasan SFV



ORANG ramai boleh mengabadikan momen di halaman rumah klasik yang diperbuat daripada batu.

kita membawa petani dan peladang yang berpotensi untuk mengusahakan sayur-sayuran seperti sawi, pak choy, bayam dan kangkung," katanya ditemui di SFV di Rawang baru-baru ini.

Dr. Mohamad Khairil berkata, SFV sebagai lokasi agrotourism diharap mampu meningkatkan ekonomi domestik khususnya dan negeriannya.

SFV menyediakan segmen lawatan informatif untuk para pengunjung.

"Ramai hadir selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilonggarkan menjadi

PKP Bersyarat awal tahun ini," katanya.

### NAIK TRAKTOR

Katanya, pengunjung akan dibawa menaiki kenderaan, mendaki bukit dan menuruni denai sekitar SFV menggunakan traktor.

Antara kawasan tujuan di SFV adalah Taman Herba yang menyediakan kawasan tanaman herba.

Kawasan lain ada di sini ialah kawasan ternak haiwan seperti arnab, rusa dan landak.

Rusa yang jinak boleh

### INFO:

- » SFV mula dibuka bermula pukul 9.00 pagi hingga 4.00 petang.
- » Dibuka pada hari Isnin hingga Khamis.
- » Tutup pada hari Jumaat.

dibelai dan diberi makan roti.

Mohamad Khairil berkata, rusa yang ada di situ sudah pasti memberi kecerian kepada anak-anak kecil.

"Melihat dan memegang



DR. MOHAMAD KHAIRIL MOHAMAD

haiwan yang selama ini dilihat di dalam televisyen dan buku sudah pasti bukan pengalaman yang mudah dilupakan," katanya.

Satu lagi tanikan yang tidak boleh dilepaskan adalah, melawat rumah klasik yang memaparkan tema rumah rakyat di negeri yang ada di Malaysia.

Mohamad Khairil memberitahu, di perkarangan rumah tersebut pengunjung boleh meminum air kelapa pandan sambil bersantai dan bergambar bersama keluarga.

"Jika ada yang berhajat untuk menoreh getah boleh mengambil peluang berbuat demikian di ladang getah di SFV," katanya.